SK Catholic English
Pendidikan Moral Tahun 4
PdPR Minggu 15
Selasa 4hb Mei 2021

Unit 7 Kasih Sayang
Sifat Penyayang Pendorong Kejayaan

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

LIVEWORKSHEETS

UNIT 7

MEKAR MINDA

SIFAT PENYAYANG PENDORONG KEJAYAAN

Baca dan fahami rencana.

KASIH SAYANG JIRAN MENDORONG KEJAYAAN OKU

Ong Meng Hua, kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) berumur 10 tahun telah mencipta kejayaan dalam Kejohanan Olahraga Paralimpik. Beliau memperoleh pingat emas dalam acara larian 100 meter dan berjaya memecahkan rekod kejohanan. Kejayaannya menjadi kebanggaan jiran.

Meng Hua, pada mulanya tidak yakin akan keupayaan diri tetapi kasih sayang yang ditunjukkan oleh jiran telah mendorong dan membakar semangatnya. Setiap kali sesi latihan, mereka akan membimbing dan memberikan tunjuk ajar teknik larian yang betul.

Mereka juga sering menemaninya semasa latihan. Selain itu, motivasi yang diberikan oleh jiran membuatkan beliau berkeyakinan tinggi.

Ong Meng Hua memberitahu bahawa dia amat bersyukur mempunyai jiran yang ikhlas menyayangi dirinya.

Beliau berharap semoga jiran akan terus memberikan sokongan kepada dirinya. Beliau juga mahu kejayaan ini menjadi inspirasi dan merapatkan hubungan sesama jiran.

Lengkapkan peta minda dan bincangkan.



- Kamu menjadi pendorong kepada kejayaan jiran. Ceritakan perasaan kamu.

NOTA GURU

- Bimbing murid membentangkan hasil jawapan dengan menggunakan pelbagai media.

7.1
7.2
7.3
7.4

LIVEWORKSHEETS

Lengkapkan peta dengan jawapan yang betul.

silaturahim	memupuk
persengketaan	bantu-membantu
harmoni	prihatin

Saling _____ sesama jiran

Suasana kejiranan aman dan _____

Hubungan _____ bertambah erat

KEBAIKAN MENYAYANGI JIRAN

Melahirkan jiran yang _____

_____ kasih sayang sesama jiran

Mengelakkan _____ dan buruk sangka

LIVEWORKSHEETS